

## **Kenyataan Media Berkaitan Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi Bantu Hadapi Peningkatan Kos Sara Hidup**

By : Media Statement

Date : 29/06/2022

---

### **KENYATAAN MEDIA YAB PERDANA MENTERI**

#### **PASUKAN KHAS JIHAD TANGANI INFLASI BANTU HADAPI PENINGKATAN KOS SARA HIDUP**

Mesyuarat Jemaah Menteri hari ini bersetuju menubuhkan Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi, bagi membantu Keluarga Malaysia menghadapi cabaran peningkatan kos sara hidup.

Pasukan khas ini berperanan untuk mengumpulkan semua maklumat daripada Kementerian, agensi dan orang ramai bagi merangka strategi serta mengkoordinasi tindakan menyelesaikan isu-isu berkaitan inflasi khususnya mengawal kenaikan harga barang dengan lebih efisien dan berkesan.

Pasukan khas ini akan berfungsi sebagaimana pasukan menguruskan pandemik COVID-19, dengan mengadakan mesyuarat sebanyak dua kali seminggu iaitu pada Isnin dan Khamis.

Sidang media akan diadakan selepas setiap mesyuarat berlangsung bagi memberi penjelasan kepada isu-isu yang dibangkitkan oleh Keluarga Malaysia.

Langkah ini diambil ekoran cabaran peningkatan kos sara hidup akibat daripada perubahan iklim dan ketidaktentuan geopolitik termasuk konflik antara Russia-Ukraine yang dijangka berlarutan sehingga memberi kesan kepada pasaran komoditi makanan serta bahan api.

Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi ini akan dipengerusikan oleh Tan Sri Annuar Musa, Menteri Komunikasi dan Multimedia,

Ia dianggotai oleh;

- i. Tengku Datuk Seri Utama Zafrul Tengku Abdul Aziz – Menteri Kewangan,
- ii. Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee – Menteri Pertanian dan Industri Makanan,
- iii. Dato' Sri Alexander Nanta Linggi – Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna,

iv. Dato' Sri Mustapa Mohamed – Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi) dan;

v. Tan Sri Mohd. Zuki Ali – Ketua Setiausaha Negara.

Pegawai khusus di setiap kementerian akan dilantik sebagai pegawai rujukan (focal point) untuk memberi maklum balas segera kepada Pasukan Khas yang diurusetikan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

Kerajaan sentiasa berusaha untuk memastikan Keluarga Malaysia tidak terkesan dengan serius akibat daripada kenaikan inflasi di seluruh dunia.

**#KeluargaMalaysia**

**#BekerjaBersamaRakyat**

**DATO' SRI ISMAIL SABRI YAAKOB**

**29 JUN 2022**

**Copyright of the Prime Minister's Office Official Website**

Source: <https://www.pmo.gov.my/2022/06/kenyataan-media-berkaitan-pasukan-khas-jihad-tangani-inflasi-bantu-hadapi-peningkatan-kos-sara-hidup/>